

PARAMETER PENGELUARAN FATWA DALAM KERANGKA MAQASID SYARIAH

FATWA PARAMETERS IN LIGHT OF THE MAQASID SYARIAH

^{i,*}Abdul Manan Ismail & ^{ii,iii}Ahmad Syukran Baharuddin

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱCentre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱMaqasid Institute, 1205 Lebanon Road, Unit #266, Mt. Juliet, TN 37122, United States of America (USA)

*(Corresponding author) e-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my

Article history:

Submission date: 26 May 2024

Received in revised form: 2 July 2025

Acceptance date: 15 August 2025

Available online: 31 December 2025

Keywords:

Maqāsid al-sharī'ah, fatwa parameters, collective ijtihād, fatwa institutions, contemporary fatwas, maqāsid al-syarī'ah, parameter fatwa, ijtihad kolektif, institusi fatwa, fatwa kontemporari

Funding:

This work was supported by the Innaz Resources (Grant Code: USIM/INNAZ/FSU/LUAR-S/44523) and USIM Journal Publication Scheme.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2025). Parameter pengeluaran fatwa dalam kerangka maqasid syariah: Fatwa parameters in light of the maqasid syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(3), 714–731.
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol13no3.1244>

Ethic Approvals:

This study did not require ethics approval as it is non-interventional qualitative research based solely on document analysis with no human participants or identifiable personal data involved.



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

This study develops a set of fatwa-issuing parameters grounded in the framework of *Maqāsid al-Sharī'ah* through document analysis of classical works, contemporary scholarship, and resolutions of the International Islamic Fiqh Academy (IIFA). Based on the foundational principles of preserving religion, life, intellect, lineage, and property, the study identifies eight core parameters encompassing the validity of legal sources, the understanding of *maqāsid*, the qualifications of the *mufti*, contextual and customary considerations, the balance between textual evidence and public interest (*maṣlahah*), institutional governance, social implications, and the necessity of collective *ijtihad*. Each parameter is examined systematically through an integration of normative and contextual approaches, taking into account technological advancement, emerging ethical concerns, and global socio-legal developments. The discussion is further supported by contemporary fatwas issued in Malaysia, Singapore, Indonesia, and leading national and international fatwa institutions, including the IIFA, the North American Fiqh Council (NAFC), and the Indonesian National Sharia Council – Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI). This study has also analysed some of the authoritative rulings made by the Shariah Advisory Council of the Malaysian Securities Commission in Malaysia. These demonstrate the adaptability of the *maqāsid* framework in addressing modern and complex legal issues. The findings affirm that instituting *maqāsid*-based parameters in a structured manner enhances the integrity of the *iftā'* process, reduces inconsistencies in fatwa issuance, and strengthens the credibility of fatwa institutions at both national and global levels. The study subsequently recommends that these parameters be empirically tested in specialised domains such as bioethics, artificial intelligence, and financial governance to reinforce the capacity of Islamic law to confront emerging future challenges.

ABSTRAK

Kajian ini membangunkan satu set parameter pengeluaran fatwa berasaskan kerangka *Maqāṣid al-Syarī'ah* melalui analisis dokumen terhadap karya klasik, kajian kontemporari, dan resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī* (IIFA). Berasaskan prinsip pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda, kajian ini mengenal pasti lapan parameter yang merangkumi keabsahan sumber hukum, pemahaman *maqāṣid*, kelayakan mufti, pertimbangan konteks dan adat, keseimbangan antara nas dan maslahat, tadbir urus institusi, implikasi sosial, serta keperluan ijtihad kolektif. Setiap parameter dianalisis secara sistematik melalui gabungan pendekatan normatif dan kontekstual, dengan mengambil kira perkembangan teknologi moden, persoalan etika, dan perubahan sosial global. Perbincangan turut disokong oleh fatwa kontemporari dari Malaysia, Singapura, Indonesia, dan institusi fatwa nasional serta antarabangsa termasuklah IIFA, Majlis Fatwa Amerika Utara (NAFC), dan Dewan Syariah Nasional – Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) yang menggambarkan keanjalan kerangka *maqāṣid* dalam mendepani isu-isu kontemporari. Kajian ini juga menganalisis sebahagian keputusan berautoritatif Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di Malaysia. Dapatan kajian menegaskan bahawa parameter berasaskan *maqāṣid* yang diinstitusikan secara tersusun dapat meningkatkan keutuhan proses *iftā'*, mengurangkan percanggahan fatwa, dan mengukuhkan kredibiliti institusi fatwa di peringkat nasional dan global. Kajian ini seterusnya mencadangkan agar parameter ini diuji dalam bidang khusus seperti bioetika, kecerdasan buatan dan tadbir urus kewangan bagi memperkukuh keupayaan Syarak menghadapi cabaran masa depan.

Pendahuluan

Dalam disiplin fiqh Islam, kesahihan dan kebolehterimaan sesuatu fatwa tidak hanya diukur melalui kesahihan sumber hukumnya, tetapi turut bergantung pada tahap keselarasan fatwa tersebut dengan objektif tertinggi Syariah atau *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Objektif ini meliputi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda (al-Ghazālī, 2015; Al-Jufri *et al.*, 2021; Ghazali, 2018; Roslan & Zainuri, 2023; Che Yusoff, A. F., & Rosidi, M. H., 2025). Prinsip ini menjadi teras kepada falsafah perundangan Islam kerana ia mencerminkan hikmah dan matlamat Syariah dalam melindungi keperluan asas manusia serta memelihara kesejahteraan sosial (al-'Iz Ibn Abd Salam, 2020a; IIFA, 2024c; Azhar *et al.*, 2017). Justeru, sesuatu fatwa dianggap sah apabila ia mendukung objektif-objektif ini dan membawa manfaat nyata kepada masyarakat, bukan sekadar menepati teks literal perundangan Islam.

Sebaliknya, fatwa yang bercanggah dengan *Maqāṣid al-Syarī'ah* berpotensi dianggap tidak sah kerana boleh menggugat tujuan Syariah yang sebenar (al-Ramo, 2022; Fisol *et al.*, 2017). Dalam konteks ini, proses ijtihad memainkan peranan yang penting kerana ia menuntut kefahaman mendalam terhadap hubungan antara nas, *maqāṣid*, dan realiti semasa (Rachmadhani, 2020; al-Raisūnī, 1992). Mufti bukan sekadar menghimpunkan hukum-hakam daripada sumber klasik (*turāth*), tetapi mesti menilai kesan sosial, etika, dan moral yang timbul daripada fatwa yang akan dikeluarkan (al-Ikhlās *et al.*, 2021; Alsayyed, 2009; Harun *et al.*, 2024). Oleh itu, proses pengeluaran fatwa perlu dilakukan dengan penuh teliti berdasarkan kepada analisis yang menyeluruh dan mendalam (al-Shaibān, 2017; Qutb al-Raisūnī, 2014).

Dalam era kontemporari, peranan mufti menjadi semakin kompleks. Keupayaan untuk mengeluarkan fatwa yang adil serta berimbang amat bergantung pada kefahaman mendalam terhadap *Maqāṣid al-Syarī'ah* serta kebijaksanaan mengaplikasikannya dalam konteks sosial moden yang dinamik (al-Ramo, 2022; Haq, 2017). Mufti bukan sahaja berfungsi sebagai penyampai hukum, tetapi juga sebagai pengimbang antara nas-nas Syarak dan realiti semasa. Mufti perlu memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkannya bukan sekadar sah di sisi Syarak, tetapi juga dapat menjamin keadilan dan menjaga kemaslahatan sejagat (Ibrahim *et al.*, 2015). Dalam hal ini, *ijtihad maqāṣidi* menuntut penilaian terhadap kesan ekonomi, sosial, dan moral sesuatu fatwa agar tidak menyimpang daripada prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan utama Syarak.

Kepentingan aspek ini telah ditekankan oleh al-Shāṭibī (1997b), yang dengan jelas menyatakan di dalam *magnum opus*nya, *al-Muwāfaqāt*, bahawa tahap ijtihad tertinggi hanya dapat dicapai melalui dua elemen penting: pertama, pemahaman menyeluruh terhadap *Maqāṣid al-Syarī'ah*; dan kedua, keupayaan

mengeluarkan fatwa berdasarkan *maqāṣid* tersebut. Pandangan turut dikongsi oleh fuqaha lain seperti Muwafiq al-Din Ibn Qudamah (1998), al-Qarāfī (2001), al-Juwaynī (1979), Taqiyuddin al-Subkī (2004), Tājuddin al-Subkī (2004, 2011), Jalāluddin al-Suyūṭī (2021), dan Abu Zahrah (1989), yang kesemuanya menegaskan perlunya pendekatan *maqāṣidi* dalam menangani perubahan sosial dan cabaran baru. Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Shah dan Abdul Rahman (2018), adaptasi terhadap konteks moden amat penting bagi memastikan hukum Islam kekal relevan dan mampu memberikan panduan yang berkesan.

Bertitik tolak daripada asas tersebut, kajian ini berusaha membina satu parameter pengeluaran fatwa yang berpaksikan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Parameter ini diharap dapat menjadi panduan bagi para mufti dan institusi fatwa dalam memastikan ijthad yang dijalankan tidak hanya berpegang kepada nas-nas Syarak secara literal, tetapi juga berpaksikan kepada matlamat Syarak yang mementingkan keadilan, kesederhanaan, dan kesejahteraan manusia. Justeru, penghasilan parameter berasaskan *Maqāṣid al-Syarī'ah* ini diyakini dapat memperkukuh kredibiliti dan keberkesanan fatwa dalam menjawab persoalan hukum-hakam kontemporari, sekali gus memastikan undang-undang Islam kekal dinamik, kontekstual, dan lestari (Mohamad *et al.*, 2025).

Sorotan Literatur

Perbincangan mengenai pengeluaran fatwa dalam kerangka *Maqāṣid al-Syarī'ah* telah menarik perhatian ramai sarjana moden (Azhar *et al.*, 2017; Roslan & Zainuri, 2022, 2023). Tokoh-tokoh Islam kontemporari seperti al-Qaradāwī (1988, 1999) dan al-Zarqā (2014) menegaskan keperluan untuk memodenkan metodologi fatwa agar tetap selaras dengan *Maqāṣid al-Syarī'ah* dan mampu mendepani cabaran-cabaran semasa yang timbul akibat daripada perubahan sosial, ekonomi, dan teknologi. Pendekatan ini menuntut agar fatwa tidak dihadkan dalam kerangka nas klasik semata-mata, tetapi hari berfungsi sebagai jambatan antara prinsip perundangan Islam tradisional dengan realiti semasa (Ibrahim *et al.*, 2015; Kamali, 2021; Ismail *et al.*, 2025). Dalam konteks ini, konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah* menyediakan asas epistemologi yang menumpukan kepada pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda (Mokhtar, 2014; Syafei, 2017; Azhar *et al.*, 2017), sekaligus memastikan fatwa yang dikeluarkan terus menjadi medium untuk menegakkan keadilan sosial dan kesejahteraan manusia.

Dari perspektif teori, al-Shātibī (1997) merupakan antara tokoh terawal yang menegaskan perlunya penimbang tara *maqāṣid* dalam sesuatu penetapan hukum. Pandangan ini dikembangkan oleh para pemikir kontemporari seperti Auda (2008), al-Qahtani (2011), Kamali (2012), dan Kazemi-Moussavi dan Mavani (2024), yang melihat *Maqāṣid al-Syarī'ah* bukan sekadar prinsip etika, tetapi juga sebagai mekanisme sistematik bagi memastikan hukum Syarak kekal anjal dan responsif terhadap konteks global. Oleh itu, fatwa dalam era moden perlu menonjolkan keseimbangan antara ideal normatif Syarak dengan tuntutan realiti masyarakat. Seseorang mufti bukan sahaja menilai kesahan hukum dari sudut pendalilan, tetapi juga mempertimbangkan dimensi sosial, ekonomi, dan budaya bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan dapat menjaga kemaslahatan dan menghindarkan kemudaratan (Alias *et al.*, 2024).

Namun, pelaksanaan prinsip *maqāṣid* dalam amalan fatwa sering berhadapan dengan cabaran metodologi dan institusi. Dalam konteks Malaysia, misalnya, dominasi mazhab Syafi'i menjadikan pendekatan *Maqāṣid al-Syarī'ah* kadangkala terhad kepada ruang perbincangan teori tanpa diterjemahkan secara sistematik dalam amalan pengeluaran fatwa (Harun *et al.*, 2024). Walaupun begitu, perbincangan ilmiah yang lebih progresif telah berkembang dalam kalangan sarjana seperti Soualhi (2008), yang menegaskan bahawa keberkesanan fatwa bergantung kepada keberanian institusi Islam dalam menyesuaikan pendekatan *maqāṣid* dengan tuntutan masyarakat moden. Hal ini menuntut adanya keseimbangan antara kesetiaan terhadap mazhab dengan keterbukaan terhadap keperluan semasa.

Seiring dengan perkembangan tersebut, institusi fatwa di dunia, seperti mana yang dinyatakan oleh al-Zarqā (2014), Ahmad (2014), Shamsuddin dan Ismail (2018), dan Othman (2024), telah mula menginstitusikan proses pengeluaran fatwa secara lebih sistematik dan berakauntabiliti. Badan-badan fatwa seperti Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (MKI) dan Dār al-Iftā al-Miṣriyyah di Mesir berperanan penting dalam menyemak, mewujudkan piawaian fatwa, dan menyebarkan fatwa bagi memastikan keseragaman serta mengelakkan pengeluaran fatwa yang dimanipulasikan atau dipolitikkan (Mohamed Adil, 2015; Mustapha *et al.*, 2019; Pasuni, 2022; Skovgaard-Petersen, 1997). Peningkatan keperluan untuk mengawal proses pengeluaran fatwa ini berpunca daripada kesedaran bahawa integriti mufti dan ketelusan institusi menjadi asas utama keabsahan sesuatu fatwa (Khairuldin *et al.*, 2019). Dalam konteks

ini, konsep amanah ilmiah dan tanggungjawab sosial mufti menjadi nadi utama pelaksanaan *maqāṣid* dalam amalan fatwa kontemporari.

Meskipun sistem pengeluaran fatwa semakin tersusun, pelbagai cabaran baru muncul, termasuk perbezaan pendapat dalam kalangan ulama, kekangan sumber manusia dan kewangan, serta kepelbagaian model tadbir urus institusi (Devi & Hamid, 2024; Mustapha *et al.*, 2019). Sebagai respons, beberapa majlis fatwa telah memperkukuh metodologi penyelidikan melalui pendekatan kolaboratif antara disiplin, iaitu melibatkan perbincangan kumpulan antara pakar, dan menyertakan pakar dari pelbagai bidang (Khairuldin *et al.*, 2019; Ismail *et al.*, 2025). Pendekatan antara disiplin ini selaras dengan semangat *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menekankan pemeliharaan kepentingan umum secara holistik. Standardisasi proses pengeluaran fatwa bukan sahaja mengurangkan percanggahan pandangan, malah memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap kesahihan hukum Syarak, terutamanya dalam sektor-sektor penting seperti kewangan Islam, bioetika dan perubatan (Devi & Hamid, 2024; Mustapha *et al.*, 2019).

Selain itu, landskap fatwa kontemporari turut dipengaruhi oleh kemunculan platform digital. Walaupun kemajuan teknologi telah mempercepatkan penyebaran ilmu dan maklumat, ia turut membuka ruang kepada fatwa yang tidak disahkan, disalah tafsir, atau dipolitikkan (Khasani, 2022; Wahid, 2020). Oleh itu, penekanan terhadap metodologi yang mantap, kolaborasi antara sarjana dan ilmunan, dan standardisasi institusi menjadi semakin mendesak (Chawki, 2010; Wahid, 2024). Di sinilah konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah* memainkan peranan kritikal, iaitu sebagai kerangka etika dan epistemologi untuk memastikan fatwa yang dikeluarkan tetap sahih, berkredibiliti, dan berpaksikan kepada keadilan dan kesejahteraan manusia.

Kajian kes di pelbagai negara Islam turut membuktikan keberkesanan pendekatan *maqāṣidi* dalam menangani isu kontemporari. Antara contohnya ialah pengeluaran fatwa berkaitan pewarisan harta (Mustar & Muhamad, 2014), zakat (Bhari, 2016; Bhari *et al.*, 2019), pengharaman rokok (Chabiba & Sa'diyah, 2021), penggunaan vaksin COVID-19 Astrazeneca (Nurcholis, 2021), penutupan sementara rumah-rumah ibadat semasa pandemik COVID-19 (Supri & Hafini, 2022), pengharaman pernikahan *misyyār* (Bahmid & Husaini, 2023), pernikahan berbeza agama (Hakim *et al.*, 2023), dan isu-isu halal semasa (Hasanuddin & Tuan Muda, 2024) menunjukkan bagaimana *Maqāṣid al-Syarī'ah* dapat menjadi asas kepada ijtihad kolektif yang relevan dengan konteks semasa. Sungguhpun demikian, pelaksanaan *maqāṣid* tetap perlu dipantau agar tidak disalahgunakan untuk tujuan liberalisasi hukum atau kepentingan politik tertentu (Azhar *et al.*, 2017; Dusuki & Abozaid, 2013; Güney, 2024; Suroya, 2022; Mamat *et al.*, 2025). Oleh itu, keseimbangan antara idealisme Syarak dan realiti kontemporari perlu terus dijaga melalui kerjasama antara mufti, ahli akademik, dan pakar dalam pelbagai bidang.

Sorotan literatur ini secara keseluruhannya menegaskan bahawa pengeluaran fatwa dalam parameter *Maqāṣid al-Syarī'ah* bukanlah sekadar isu teori, bahkan menuntut reformasi metodologi, institusi, dan etika dalam amalan *iftā'*. Penelitian terhadap perkembangan ini membuka ruang kepada penggubalan parameter yang lebih jelas bagi menilai kesahihan dan keberkesanan fatwa moden (Reza *et al.*, 2025). Justeru, kajian ini berhasrat untuk mengisi kelompangan tersebut dengan membangunkan satu set parameter berpaksikan *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang dapat digunakan sebagai panduan dalam proses pengeluaran fatwa kontemporari, seterusnya menyumbang kepada kelestarian dan kredibiliti hukum Islam dalam masyarakat moden.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif bagi meneroka parameter pengeluaran fatwa melalui perspektif *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan analisis bersifat mendalam terhadap prinsip, metodologi, dan dimensi etika yang melandasi penalaran hukum Islam sebagaimana terkandung dalam sumber klasik dan kontemporari (Ismail *et al.*, 2025). Melalui pendekatan ini, penyelidikan meneliti bagaimana *Maqāṣid al-Syarī'ah* berperanan sebagai asas epistemologi dalam memastikan fatwa kekal kontekstual dan beradaptasi terhadap perubahan sosial, tanpa menjejaskan ketulenan sumber Islam.

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kepustakaan, iaitu pemeriksaan sistematik terhadap sumber primer dan sekunder yang relevan dengan tema pengeluaran fatwa dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* (Merriam, 2009; Zainudin *et al.*, 2023). Reka bentuk ini sesuai kerana isu pengeluaran fatwa bersifat

normatif dan konseptual, justeru lebih memerlukan analisis tekstual dan interpretatif berbanding kaedah empirikal. Pendekatan kualitatif membolehkan penyelidik memahami bukan sahaja kandungan hukum, tetapi juga nilai, falsafah, dan konteks di sebalik nas, sejajar dengan *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menekankan keseimbangan antara prinsip dan realiti (Mohamad *et al.*, 2025).

Sumber asas kajian ini terdiri daripada karya-karya utama yang membentuk kerangka teori dan amalan pengeluaran fatwa dalam tradisi Islam. Jadual 1 berikut merumuskan sumber-sumber tersebut berserta fokus utama dan kaitannya dalam kajian ini.

Jadual 1. Sumber Asas dan Fokus Konseptual dalam Kajian

Sumber Asas	Pengarang	Fokus Utama Karya	Relevansi terhadap Kajian
<i>al-Mustasfā min 'Ilmi al-Uṣūl</i>	Abu Hamid al-Ghazālī (w. 505H)	Prinsip asas usul fiqh dan rasional hukum	Menjadi asas metodologi dalam penalaran hukum dan penghasilan fatwa berpaksikan <i>maqāṣid</i>
<i>Al-Faqīh wal-Mutafaqqih</i>	al-Khaṭīb al-Baghdādī (w. 463H)	Etika dan tanggungjawab ilmuwan serta mufti	Menentukan kelayakan mufti dan prinsip amanah ilmiah dalam pengeluaran fatwa
<i>Muqaddimah al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab</i>	al-Nawawī (w. 676H)	Penjelasan metodologi fiqh dan struktur hukum	Memberi panduan tentang kaedah pengistinbatan hukum serta standard ilmiah dalam fatwa
<i>al-Furūq</i>	al-Qarāfī (w. 684H)	Pembezaan antara fatwa, kehakiman dan pentadbiran	Membantu membezakan fungsi fatwa daripada keputusan kehakiman serta aplikasi pentadbiran
<i>al-Iḥkām fī Tamyīz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām wa-Taṣarruḥāt al-Qāḍī wal-Imām</i>			
<i>al-Muwāfaqāt</i>	al-Shāṭibī (w. 790H)	Prinsip dan teori <i>Maqasid al-Syariah</i>	Menjadi asas teori <i>maqāṣidi</i> dalam merumuskan parameter fatwa yang seimbang dan kontekstual
<i>Nashr al-'Urf fī Binā' Ba'du al-Aḥkām 'alā al-'Urf</i>	Ibn 'Ābidīn (w. 1252H)	Kepentingan adat dan konteks sosial dalam hukum Islam	Menegaskan pengaruh 'urf (adat setempat) dalam pengeluaran fatwa agar selaras dengan <i>maqāṣid</i>
<i>'Uqūd Rasmi al-Muḥtāṭ</i>			
<i>I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn</i>	Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (w. 751H)	Etika dan tanggungjawab pemberi fatwa	Menyediakan asas moral dan kerangka prosedur dalam proses <i>iftā'</i>
<i>Adab al-Muḥtāṭ wal-Mustafī</i>	Ibn al-Ṣalāḥ (w. 643H)	Tatacara interaksi antara mufti dan penanya hukum	Menegaskan kepentingan adab, komunikasi dan tanggungjawab sosial dalam amalan fatwa

Pemilihan sumber dalam Jadual 1 di atas menggambarkan pendekatan menyeluruh terhadap pengeluaran fatwa daripada aspek teori, etika dan praktikal. Gabungan antara teks klasik dan tafsiran moden membolehkan kajian ini menilai secara kritikal bagaimana prinsip *Maqāṣid al-Syarī'ah* diterapkan dalam konteks semasa, serta menjadi asas kepada pembinaan parameter fatwa yang sistematik dan relevan. Kriteria pemilihan teks-teks ini berdasarkan kepada dua pertimbangan utama: pertama, pengaruhnya terhadap perkembangan teori pengeluaran fatwa dan *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam wacana fiqh klasik; dan kedua, perkaitannya dengan perbincangan kontemporari yang menilai semula prinsip-prinsip hukum Islam dalam konteks moden (Auda, 2008; Khairuldin *et al.*, 2019).

Sumber tambahan bagi kajian ini pula terdiri daripada makalah akademik, laporan penyelidikan, dan karya ilmiah kontemporari yang meneliti evolusi *Maqāṣid al-Syarī'ah* dan institusi fatwa dalam dunia Islam semasa (Ismail *et al.*, 2025; Zainudin *et al.*, 2023). Rujukan ini termasuklah penulisan sarjana seperti

Kamali (2011, 2012, 2021), Attia (2007), dan Auda (2008, 2018) yang memperkenalkan tafsiran semasa terhadap kerangka *maqāṣid*. Gabungan sumber klasik dan moden ini membolehkan analisis yang lebih seimbang antara idealisme hukum dan realiti kontemporari.

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi meneliti dan mentafsir data yang diperoleh daripada pelbagai sumber (Bowen, 2009). Kaedah ini melibatkan proses mengenal pasti, mengkategorikan, dan menilai kandungan teks bagi mengesan pola, tema, dan prinsip utama yang berkaitan dengan pengeluaran fatwa dalam kerangka *Maqāṣid al-Syarī'ah* (Ismail *et al.*, 2025). Melalui analisis ini, penyelidikan menilai bagaimana setiap teks membincangkan aspek penting seperti: (1) pemeliharaan kepentingan asas manusia (*al-darūriyyāt al-khams*), (2) kelayakan dan tanggungjawab mufti, (3) adaptasi terhadap konteks dan adat setempat, serta (4) pertimbangan terhadap kemaslahatan awam dalam pengeluaran fatwa. Data yang diperoleh kemudiannya disintesis untuk membentuk rangka parameter fatwa berpaksikan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Proses sintesis ini melibatkan analisis perbandingan antara pendekatan klasik dan moden bagi mengenal pasti prinsip sejagat yang boleh diguna pakai dalam konteks pengeluaran fatwa masa kini (Mohamad *et al.*, 2025).

Selain itu, bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil, kajian ini menggunakan kaedah triangulasi data, iaitu pengesahan silang antara sumber asas dan tambahan yang berlainan disiplin (Zainudin *et al.*, 2023). Contohnya, dapatan daripada teks klasik disemak semula dengan hasil kajian empirikal dan wacana kontemporari untuk mengesahkan keselarasan prinsip dan aplikasi. Langkah ini memastikan bahawa analisis yang dijalankan bukan sahaja berasaskan pandangan individu, tetapi berpijak pada konsensus metodologi yang sahih dan bersifat saling berkaitan.

Melalui metodologi yang sistematik dan berasaskan analisis tekstual ini, kajian memberikan kefahaman komprehensif tentang bagaimana prinsip *Maqāṣid al-Syarī'ah* dapat dijadikan parameter bagi menilai kesahihan dan keberkesanan fatwa. Pendekatan ini juga berperanan menghubungkan jurang antara teori fiqh klasik dan amalan institusi moden, sekali gus menyumbang kepada wacana ilmiah dan panduan praktikal dalam bidang fatwa kontemporari (Ismail *et al.*, 2025).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan analisis dokumen yang telah dilakukan, kajian ini menyoroti peranan penting *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam proses pengeluaran fatwa serta penerapannya dalam konteks kontemporari. *Maqāṣid al-Syarī'ah* berfungsi sebagai kerangka asas yang memastikan sesuatu fatwa selaras dengan objektif tertinggi Syarak, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda (al-Ghazālī, 2015; al-Shātibī, 1997). Melalui prinsip-prinsip ini, fatwa bukan sahaja berperanan memelihara kesejahteraan masyarakat, tetapi juga mencegah kemudaratan dan ketidakadilan dalam pelbagai aspek kehidupan moden (Auda, 2008; Kamali, 2021).


Hasil analisis menunjukkan bahawa pelaksanaan *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam pengeluaran fatwa tidak boleh dilakukan secara umum atau intuitif semata-mata. Sebaliknya, ia perlu berpaksikan parameter yang jelas dan berpandukan sumber hukum Islam yang sahih (Auda, 2008; Ismail & Baharuddin, 2021). Kajian ini seterusnya mengenal pasti lapan parameter utama yang berfungsi sebagai garis panduan sistematik dalam proses pengeluaran fatwa berasaskan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Parameter-parameter ini bukan sahaja membantu menilai kesahihan sesuatu fatwa, tetapi juga memastikan bahawa proses ijtihad yang dijalankan memenuhi tuntutan keadilan, kesejahteraan, dan kemaslahatan awam.

Jadual 2 berikut merumuskan lapan parameter utama yang diperoleh hasil analisis dokumen terhadap karya klasik seperti yang telah dinyatakan dalam Jadual 1 terdahulu, serta disokong oleh pandangan-pandangan dan kajian-kajian ilmiah daripada pelbagai sarjana kontemporari.

Jadual 2. Lapan Parameter Fatwa Berasaskan *Maqāṣid al-Syarī'ah*

No.	Parameter	Fokus Utama	Hasil yang Diharapkan
1.	Keabsahan sumber hukum	Menjamin keputusan berpaksikan al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan <i>qiyas</i> yang sahih	Fatwa yang sahih, berautoriti dan selaras dengan prinsip Syariah
2.	Pemahaman terhadap <i>Maqāṣid al-Syarī'ah</i>	Menilai tahap kefahaman mufti terhadap objektif Syariah dalam sesuatu isu	Fatwa yang menepati matlamat keadilan dan kemaslahatan
3.	Kelayakan dan integriti mufti	Menekankan kelayakan ilmu, etika dan tanggungjawab moral	Fatwa yang berwibawa serta bebas daripada kecuaian ilmiah
4.	Pertimbangan terhadap konteks dan adat (<i>urf</i>)	Menyesuaikan keputusan hukum dengan realiti sosial dan budaya setempat	Fatwa yang praktikal, fleksibel dan tidak menimbulkan mudarat
5.	Keseimbangan antara nas dan maslahat	Mengharmonikan kehendak teks hukum dengan keperluan semasa	Fatwa yang progresif tetapi masih mengekalkan ketulenan Syariah
6.	Tadbir urusan dan keobjektifan institusi fatwa	Mengelak tekanan politik, ekonomi atau kepentingan diri	Fatwa yang adil, bebas dan mengekalkan integriti institusi <i>iftā'</i>
7.	Pertimbangan kesan sosial dan kemanusiaan	Menilai implikasi moral, sosial dan kemasyarakatan sesuatu fatwa	Fatwa yang menyumbang kepada kesejahteraan individu dan masyarakat
8.	Ijtihad kolektif	Melibatkan pandangan pelbagai pakar dalam bidang berkaitan	Fatwa yang menyeluruh dan bersandarkan kepada konsensus ilmiah

Hasil analisis lanjut menunjukkan bahawa lapan parameter ini beroperasi dalam dua dimensi utama yang saling melengkapi, seperti yang digambarkan dalam Rajah 1 di bawah.

**Rajah 1.** Dimensi Parameter Fatwa dalam Kerangka *Maqāṣid al-Syarī'ah*

Kedua-dua dimensi ini memastikan bahawa pengeluaran fatwa bukan sahaja memenuhi syarat hukum, tetapi turut memperkukuh kredibiliti Syariah sebagai sistem perundangan yang adil, relevan dan lestari dalam menghadapi perubahan zaman. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini bukan sekadar menyumbang kepada pemahaman teoretikal tentang *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam bidang *iftā'*, tetapi juga menawarkan asas praktikal bagi menilai dan mempertingkatkan mutu keputusan fatwa dalam konteks institusi moden.

Secara keseluruhannya, lapan parameter ini membentuk satu kerangka komprehensif bagi menilai dan mengeluarkan fatwa berpaksikan *Maqāṣid al-Syarī'ah*. Parameter ini bukan sahaja mengekalkan kesinambungan dengan tradisi hukum Islam klasik, malah memperkenalkan dimensi integratif baharu yang menyesuaikan prinsip Syariah dengan cabaran semasa. Bahagian seterusnya akan membincangkan aplikasi setiap parameter ini melalui contoh-contoh fatwa kontemporari dan keputusan autoritatif bagi memperlihatkan keanjalan dan keberkesanan pendekatan ini dalam realiti moden.

Asas Teori *Maqāṣid al-Syarī'ah* dalam Fatwa

Maqāṣid al-Syarī'ah merupakan asas epistemologi yang mengatur keseluruhan struktur hukum Islam, termasuklah proses pengeluaran fatwa. Ia bukan sekadar prinsip normatif, tetapi juga mekanisme penalaran yang memastikan setiap fatwa yang dikeluarkan menepati objektif utama Syariah, iaitu mencapai kemaslahatan dan menolak kemudaratatan (al-Shātibī, 1997b; al-Ghazālī, 2015; al-Qarāfī, 2001; Auda, 2008; Kamali, 2021). Tambahan lagi, *maqāṣid* juga berfungsi sebagai pengimbang antara nas Syarak dan keperluan manusiawi (*maṣlahah*). Hal ini bagi memastikan bahawa fatwa yang diputuskan tidak bersifat kaku terhadap nas semata-mata, sebaliknya turut menzahirkan keadilan dan kesejahteraan sosial (Al-Jufri *et al.*, 2021; Ghazali, 2018; al-'Iz Ibn Abd Salam, 2020a).

Secara teorinya, *maqāṣid* menuntut agar fatwa yang dibina di atas dua asas yang saling melengkapi: keabsahan sumber hukum (parameter pertama) dan pemahaman terhadap *Maqāṣid al-Syarī'ah* (parameter kedua). Keabsahan sumber memastikan supaya fatwa yang akan diputuskan tidak menyimpang daripada prinsip usul fiqh dan dalil Syarak yang muktabar, manakala pemahaman terhadap *Maqāṣid al-Syarī'ah* pula bagi memastikan fatwa tersebut benar-benar membawa manfaat kepada masyarakat dan menghindari mereka daripada sebarang kemudaratatan. Berdasarkan analisis kajian ini, kedua-dua asas ini membentuk teras kepada lapan parameter fatwa yang dikenal pasti, khususnya parameter pertama (keabsahan sumber hukum) dan kedua (pemahaman terhadap *Maqāṣid al-Syarī'ah*). Kedua-dua parameter ini menjadi neraca utama dalam memastikan ijtihad mufti selari dengan Syarak.

Penemuan ini turut memperkukuh pandangan ulama-ulama muktabar seperti Ibn al-Ṣalāḥ (1986), al-Qarāfī (2001), al-Nawawī (2020), dan al-Khaṭīb al-Baghdādī (2008), yang dengan jelas menegaskan bahawa mufti wajib memahami konteks sosial (*al-wāqī'*) sebelum mengeluarkan fatwa kerana “fatwa boleh berubah mengikut perubahan masa, tempat, dan keadaan”. Perihal yang sama juga turut ditekankan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawlī* (IIFA) dalam Resolusi No. 104 (7/11) yang menyatakan bahawa seseorang mufti perlu menilai adat, tradisi, budaya, perubahan teknologi, struktur sosial, dan implikasi praktikal sebelum mengeluarkan fatwa berkaitan isu-isu kontemporari (IIFA, 2024a). Prinsip ini menjelaskan bahawa *maqāṣid* bukan doktrin statik tetapi kerangka dinamik yang mengatur hubungan antara nas hukum dan realiti manusia. Dalam konteks moden, pandangan ini disokong oleh sarjana kontemporari seperti Auda (2008) dan Kamali (2021), yang menekankan bahawa tafsiran hukum perlu mengambil kira perubahan struktur sosial, ekonomi, dan teknologi bagi mengekalkan keberkesanan perundangan Islam.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aspek etika dan kelayakan mufti (parameter ketiga) merupakan dimensi moral yang penting dalam pelaksanaan *maqāṣid*. Hal ini sejajar dengan pandangan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (2019), yang menegaskan bahawa mufti ialah “wakil Tuhan dalam menyampaikan hukum-hakam-Nya kepada manusia,” dan oleh itu, integriti moral serta tanggungjawab sosialnya menjadi asas legitimasi sesuatu fatwa. Dalam konteks institusi moden di Malaysia, keperluan ini telah diterjemahkan melalui garis panduan kelayakan dan etika mufti yang digariskan oleh institusi fatwa seperti Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (MKI) menerusi Garis Panduan Pengeluaran Fatwa di Malaysia yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-111 pada 9-10 November 2017 di Putra Sunway, Kuala Lumpur (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2017). Selain itu, peranan dan bidang kuasa mufti turut diperincikan melalui seksyen 32 hingga 39 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505), yang menetapkan tatacara pelantikan mufti dan timbalan mufti, bidang kuasa dalam penetapan hukum, serta mekanisme pengeluaran, pewartaan, dan pindaan fatwa.

Akta ini juga menubuhkan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak bagi membantu mufti dalam proses ijtihad secara kolektif, serta menetapkan bahawa fatwa yang diwartakan mempunyai kesan mengikat terhadap umat Islam di Wilayah Persekutuan dan menjadi rujukan autoritatif bagi Mahkamah Syariah. Manakala dalam konteks institusi fatwa di peringkat negeri pula, peruntukan yang hampir serupa turut digubal dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam negeri masing-masing. Hal ini menunjukkan keseragaman prinsip pentadbiran dan perundangan dalam institusi fatwa di seluruh Malaysia, di samping memastikan proses pengeluaran fatwa dilaksanakan secara profesional dan bebas daripada pengaruh politik atau tekanan luaran (Khairuldin *et al.*, 2019; Mustapha *et al.*, 2019; Mohamed Adil, 2015; Pasuni, 2022). Manakala dalam konteks global, pihak IIFA telah mengeluarkan suatu resolusi khas yang dikenali

sebagai Resolusi No. 153 (2/17), di mana Resolusi ini telah menyatakan ketetapan dan garis panduan mengenai peranan, kelayakan dan etika mufti, syarat-syarat kelayakan mengeluarkan fatwa, keperluan fatwa yang bersifat kolektif, serta beberapa saranan untuk memastikan pengeluaran fatwa yang sah, berdisiplin dan seragam dalam dunia Islam (IIFA, 2024b).

Selanjutnya, prinsip *maqāsid* turut menuntut bahawa setiap fatwa perlu menepati keseimbangan antara nas Syarak dan maslahat (parameter kelima), bagi mengelakkan unsur ekstrem sama ada terlalu literal atau terlalu rasional. Tambahan lagi, Resolusi No. 167 (5/18) yang dikeluarkan oleh IIFA turut mengesahkan bahawa *maqāsid* bukan sahaja digunakan untuk menimbang kemaslahatan, tetapi juga sebagai mekanisme untuk menilai natijah jangka panjang perbuatan manusia serta memenuhi tujuan-tujuan Syarak yang menyeluruh dalam realiti moden (IIFA, 2024c). Oleh itu, kajian ini mendapati bahawa keseimbangan yang dimaksudkan ini hanya boleh dicapai melalui kefahaman yang mendalam terhadap *darūriyyāt al-khamsah* serta metodologi *ijtihād al-maqāsidī* seperti yang diperkenalkan oleh al-Shāṭibī (1997b) dan dikembangkan oleh beberapa sarjana kontemporari seperti Auda (2008), Kamali (2012), al-Shaibān (2017), dan Banānī (2017). Melalui pendekatan ini, fatwa tidak sekadar menjawab persoalan hukum secara mekanikal, tetapi turut menilai kesan sosial dan kemanusiaan (parameter ketujuh) dalam pelaksanaannya, agar ia benar-benar menzahirkan hikmah Syariah dalam konteks kontemporari.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa teori *Maqāsid al-Syarī'ah* bukan sahaja relevan dalam kerangka konseptual, tetapi juga berfungsi sebagai asas praktikal dalam pembentukan parameter fatwa. Kesemua parameter, daripada kesahihan sumber hingga keterbukaan terhadap ijtihad kolektif, berpadu di bawah prinsip utama, iaitu memastikan fatwa menjadi instrumen yang menzahirkan hikmah Syariah dalam bentuk yang adil, seimbang, dan responsif terhadap cabaran zaman semasa (al-Ramo, 2022; Haq, 2017; Fisol *et al.*, 2017; al-Shaibān, 2017; Qutb al-Raisūnī, 2014).

Bahagian berikutnya akan menghuraikan penerapan parameter-parameter lain secara lebih mendalam melalui contoh-contoh fatwa kontemporari, bagi memperlihatkan keberkesanan kerangka *Maqāsid al-Syarī'ah* dalam realiti moden.

Aplikasi Parameter dan Contoh Fatwa Kontemporari

Penerapan prinsip *Maqāsid al-Syarī'ah* dalam konteks fatwa moden dapat dilihat bukan sekadar pada dimensi teorinya sahaja, tetapi lebih penting pada tahap operasional seperti bagaimana ia dihidupkan dalam keputusan sebenar yang melibatkan pelbagai institusi dan disiplin. Aplikasi ini memperlihatkan tiga aspek penting yang menjadi nadi kepada keberkesanan fatwa berasaskan *maqāsid*: pertama, pengiktirafan terhadap 'urf dan konteks setempat (*wāqī*) (parameter 4), tadbir urus serta objektif institusi fatwa (parameter 6), dan ijtihad kolektif atau *jamā'ī* (parameter 8). Ketiga-tiganya berfungsi saling melengkapi untuk memastikan fatwa tidak jauh terpisah daripada realiti semasa, malah tetap berpaksikan keadilan, kemaslahatan, dan ketelusan (Ibrahim *et al.*, 2015; Pasuni, 2022; Roslan & Zainuri, 2023).

Dalam kerangka *maqāsid*, kefahaman terhadap 'urf dan konteks setempat (*wāqī*) (parameter 4) menjadi asas bagi memastikan sesuatu fatwa dapat mencapai tujuan Syarak secara realistik. Seperti mana yang telah ditegaskan oleh para ulama termasuklah al-Nawawī (2020), al-Qarāfī (2009) dan al-Shāṭibī (1997b), fatwa yang tidak mengambil kira perubahan keadaan manusia akan terpisah daripada *maqāsidnya*. Tambahan lagi, Resolusi No. 104 (7/11) dan Resolusi No. 153 (2/17), yang kedua-duanya dikeluarkan oleh IIFA (2024a, 2024b), dengan jelas menegaskan bahawa mufti perlu mempunyai kefahaman yang jelas terhadap 'urf dan konteks setempat (*wāqī*) sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa bagi mendepani isu-isu kontemporari yang dihadapi oleh umat Islam setempat. Ketetapan ini dibuat bagi memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkan adalah tepat, relevan, dan praktikal untuk dikuatkuasakan dan diamalkan oleh masyarakat Islam.

Keperluan ini semakin ketara dalam isu-isu sains dan teknologi makanan moden. Sebagai contoh, Majlis Ugama Islam Singapura (2024) telah mengambil pendekatan berasaskan *maqāsid* yang terperinci dan berwibawa dalam mengeluarkan fatwa berkaitan isu daging ternak makmal (*cultivated meat*) dalam kalangan umat Islam di Singapura. Dalam ketetapannya, MUIS menegaskan bahawa produk ini adalah harus dimakan selagi proses penghasilannya mematuhi garis panduan halal yang ketat. Hal ini menunjukkan kemampuan institusi fatwa untuk berdepan dengan sains moden, selaras dengan keperluan konteks negara yang tidak mempunyai industri ternakan besar. Pendekatan ini juga seiring dengan

pandangan kontemporari seperti yang dibahas dalam kajian Ismail *et al.*, (2025), Baharuddin, A. S. *et al.*, (2021), serta Hasanuddin dan Muda (2024) yang menegaskan bahawa keanjalan *maqāṣid* bertujuan memandu inovasi moral, bukan menyekatnya.

Sebaliknya, Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang memilih pendekatan berhati-hati (*iḥtiyāt*) dengan menangguhkan keputusan fatwa hukum memakan daging kultur sehingga jelas status saintifiknya seperti status sumber sel tunjang dan penumbuhan tisu daging (Ramli, 2024; Rosli, 2024). Hal ini selari dengan dapatan Mohamad *et al.*, (2025) yang menjelaskan bahawa konteks tempatan, struktur industri halal, dan sensitiviti masyarakat memainkan peranan yang penting dalam penentuan fatwa berkaitan bahan makanan berisiko.

Kepelbagaian pendekatan ini memperlihatkan bahawa pengiktirafan konteks bukanlah suatu kelemahan pada fatwa, sebaliknya manifestasi secara langsung kepada *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menuntut fatwa bersifat responsif, berperingkat dan sensitif terhadap realiti sosial (al-Qarāfi, 2001; Auda, 2008). Ia mengukuhkan hujahan bahawa parameter keempat ini bukan sahaja relevan, tetapi juga kritikal dalam membimbing fatwa mendepani cabaran bioteknologi, halal global, dan perubahan gaya hidup moden.

Melangkaui dalil dan metodologi, keberkesanan fatwa juga bergantung pada integriti struktur institusi yang mengeluarkannya. Di sinilah terserlahnya kepentingan tadbir urus dan objektif institusi fatwa (parameter 6), yang menuntut agar proses pengeluaran fatwa dijalankan secara telus, beretika dan bebas daripada konflik kepentingan (Khairuldin *et al.*, 2019; Mustapha *et al.*, 2019). Tambahan lagi, IIFA memandang serius dalam hal tadbir urus dan objektif institusi fatwa, sebagaimana dapat dilihat melalui dua resolusi yang telah dikeluarkan oleh pihak IIFA (2024a, 2024b): Resolusi No. 104 (7/11) dan Resolusi No. 153 (2/17). Kedua-dua Resolusi ini menegaskan keperluan proses pengeluaran fatwa dijalankan secara beretika, telus dan berasaskan metodologi yang sahih. Resolusi No. 153 (2/17) telah menetapkan syarat yang ketat terhadap kelayakan dan etika mufti serta menekankan kepentingan fatwa kolektif bagi memastikan fatwa yang lebih objektif dan bebas daripada kecenderungan individu. Pada masa yang sama, Resolusi No. 104 (7/11) memberi amaran terhadap fatwa yang tidak berdalil atau dipengaruhi tekanan situasi, adat, dan kepentingan tertentu, di samping menggesa penyelarasan metodologi antara institusi fatwa di seluruh dunia Islam. Jelas di sini bahawa IIFA bertegas terhadap legitimasi fatwa bergantung pada sistem tadbir urus yang profesional, berakuntabiliti dan bebas konflik kepentingan, sekali gus mengukuhkan kredibiliti institusi fatwa dalam menangani isu-isu kontemporari.

Di Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC) melalui Majlis Penasihat Syariah (SAC) telah menyediakan contoh yang kukuh. Sejak tahun 2022, SAC telah mengeluarkan resolusi berimpak tinggi seperti dasar penapisan sekuriti patuh Syariah (Suruhanjaya Sekuriti, 2021), pendekatan kuantitatif dua peringkat (Suruhanjaya Sekuriti, 2025), dan garis panduan Syariah bagi aset digital (Suruhanjaya Sekuriti, 2024). Proses penyediaan fatwa ini selari dengan perbincangan oleh Bahari (2020) serta Bahari dan Buang (2016) yang menegaskan keperluan kepada ketelusan, akauntabiliti dan penilaian risiko berdasarkan *maqāṣid*.

Sementara itu, Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) telah memperkukuh dimensi tadbir urus global dalam institusi kewangan Islam melalui penerbitan standard baharu yang mengawal selia audit Syariah, pematuhan dalaman, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan institusi kewangan Islam, serta memperkukuh integriti sistem pengurusan Syariah (AAOIFI, 2015, 2025; Abdelhak & Abderrezzak, 2024; Safdar, 2025). Pendekatan ini mewakili usaha integrasi prinsip *Maqāṣid al-Syarī'ah* seperti pemeliharaan harta, keadilan, dan institusi negara menerusi instrumen pentadbiran moden yang mematuhi kehendak Syarak secara holistik dan global.

Manakala bagi konteks Nusantara pula, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI) telah memberikan perhatian yang khusus terhadap isu penyalahgunaan *fintech lending* dan produk kewangan yang berpotensi menindas pengguna (Admin MUI, 2024). DSN-MUI telah mengeluarkan fatwa dan ketentuan yang mengharuskan *fintech P2P lending* asalkan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak seperti penggunaan akad yang sesuai serta penindasan terhadap pengguna, menegaskan sikap tegas mereka terhadap perlindungan pengguna dalam sektor *fintech* (Salsabila & Putri, 2025). Sikap tegas ini selari dengan dapatan kajian Reza *et al.*, (2025) yang menegaskan bahawa institusi ekonomi Islam wajib memikul tanggungjawab *maqāṣid* melalui model kawal selia yang telus dan pro-maslahah.

Gabungan ketiga-tiga model yang dinyatakan di atas memperlihatkan bahawa parameter 6 kini bukan sahaja berkenaan elemen pentadbiran, tetapi paradigma tadbir urus *maqāṣid* di peringkat global, sejajar dengan dapatan kajian Mustapha *et al.*, (2019) dan Khairuldin *et al.*, (2019).

Lebih jauh lagi, keutuhan sesuatu fatwa bergantung kepada kesepaduan ilmu dan kepakaran dari pelbagai bidang. Oleh itu, prinsip ijtihad kolektif (*jamā'ī*) (parameter 8) menjadi semakin penting dalam dunia yang diwarnai kemajuan saintifik dan cabaran multidisiplin. Hal ini sesuai dengan semangat *shurā* yang digariskan oleh al-Shātibī dan Ibn 'Ashūr (Ibrahim, 2021; Ismail *et al.*, 2023; Suleiman, 2022). Pendekatan ini, yang pada kebiasaannya dilaksanakan di peringkat institusi kefatwaan, dapat mengurangkan perbezaan pendapat dan membuat keputusan atau fatwa yang lebih holistik dan relevan dengan konteks moden berbanding pendekatan ijtihad secara individu (Azmi & Jusoh, 2024; Shamsuddin & Ismail, 2018). Tambahan lagi, pendekatan ini juga selari dengan saranan yang dibuat oleh IIFA melalui Resolusi No. 153 (2/17) yang menegaskan bahawa ijtihad kolektif adalah langkah terbaik dalam mendepani isu-isu kontemporari yang kompleks pada zaman sekarang (IIFA, 2024b).

Krisis pandemik COVID-19 menjadi contoh paling jelas bagaimana prinsip ijtihad kolektif berfungsi dalam mengeluarkan fatwa. IIFA dalam Resolusi No. 240 (2/25) telah mengeluarkan fatwa membenarkan penangguhan solat Jumaat dan ibadah Haji sebagai langkah mitigasi keselamatan untuk mencegah penularan COVID-19 (IIFA, 2023). Resolusi No. 240 (2/25) ini menegaskan pendirian IIFA dalam fatwa mereka bahawasanya adalah menjadi suatu keharusan menurut Syarak bagi sesuatu negara atau pemerintah untuk menangguhkan sementara waktu solat berjemaah di masjid, termasuklah solat Jumaat, serta kegiatan-kegiatan keagamaan yang melibatkan perhimpunan ramai bagi menghindari penularan wabak yang membahayakan nyawa. Resolusi ini dengan jelas menyokong tindakan proaktif dan berjaga-jaga dalam menjaga nyawa umat Islam yang merupakan salah satu *maqāṣid* utama yang diperjuangkan oleh Syarak. Fatwa dan tindakan yang sama juga dilaksanakan di pelbagai negara seperti Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, Mufti Republik Tunisia, dan Kementerian Wakaf Syria (Naquiddin, 2020).

Selain itu, dalam konteks Malaysia pula, pihak MKI turut menggunakan pendekatan yang sama dalam mengeluarkan sesuatu fatwa terutamanya dalam isu semasa seperti pandemik COVID-19. Kajian Ismail *et al.*, (2023) telah menunjukkan bagaimana MKI mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu dan kepakaran termasuklah data kesihatan awam, kajian epidemiologi, dan prinsip-prinsip fiqh dalam proses pengeluaran fatwa. Pendekatan ini bukan hanya berasaskan nas Syarak sahaja, tetapi mengambil kira perkembangan saintifik dan konteks kontemporari untuk memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkan adalah relevan, komprehensif, dan berkesan dalam menjaga kemaslahatan umat Islam.

Tambahan lagi, pendekatan ijtihad secara kolektif juga dilaksanakan oleh pihak Majlis Fiqh Amerika Utara (FCNA) melalui fatwa mereka yang melibatkan pakar perubatan dan neurologi untuk menentukan status hukum dalam isu pemindahan organ (FNCA, 2021; Padela & Auda, 2020). Pendekatan yang diambil oleh FNCA ini juga menjadi contoh bagaimana institusi Islam di Barat menggabungkan kepakaran saintifik dan perubatan dengan prinsip Syarak dalam usaha membentuk fatwa yang relevan, bertanggungjawab, dan menjaga kemaslahatan umat Islam dalam isu yang sensitif ini.

Kesan positif hasil daripada ijtihad secara kolektif yang diamalkan oleh IIFA, MKI, dan FNCA ini senada dengan saranan Muda *et al.*, (2024) yang menyimpulkan bahawa pelaksanaan ijtihad kolektif yang tersusun dalam pengeluaran fatwa bukan sahaja meningkatkan ketepatan keputusan, tetapi juga berdasarkan prinsip *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menjadi semangat kepada Syariah itu sendiri. Pendekatan ini melibatkan penyertaan aktif ahli akademik, organisasi pentadbiran, dan pakar teknikal, yang membolehkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dapat menangani isu-isu kontemporari dengan hukum yang sesuai dan berkesan.

Pengaplikasian *Maqāṣid al-Syarī'ah* juga memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap dinamika fatwa dan memastikan fatwa yang dikeluarkan selaras dengan perubahan gaya hidup, kemajuan teknologi, serta inovasi baru, seterusnya menjadi rujukan kepada institusi fatwa lain di peringkat nasional dan global.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa *Maqāṣid al-Syarī'ah* bukan sekadar wacana normatif yang abstrak, tetapi satu kerangka kerja yang boleh dioperasikan secara kukuh dalam proses pengeluaran fatwa. Melalui analisis dokumen terhadap sumber klasik dan kontemporari, termasuklah resolusi-resolusi IIFA, kajian ini membangunkan lapan parameter utama yang berfungsi sebagai panduan sistematik bagi mufti dan institusi fatwa. Parameter ini merangkumi keabsahan sumber hukum, pemahaman terhadap *maqāṣid* Syariah, kelayakan dan integriti mufti, pertimbangan terhadap konteks dan adat (*urf*), keseimbangan antara nas dan maslahat, tadbir urus dan keobjektifan institusi fatwa, pertimbangan kesan sosial dan kemanusiaan, serta keperluan kepada ijtihad kolektif.

Kesemua parameter ini saling melengkapi dan bersama-sama membentuk rangka kerja menyeluruh bagi memastikan fatwa yang dikeluarkan bukan sahaja sah dari segi dalil, tetapi juga sensitif terhadap cabaran semasa. Resolusi No. 153 (2/17) mengesahkan pentingnya kelayakan mufti dan etika dalam mengeluarkan fatwa, sementara Resolusi No. 104 (7/11) pula menekankan keperluan memanfaatkan khazanah fiqh klasik dan memahami realiti semasa dalam menyelesaikan isu kontemporari. Resolusi No. 167 (5/18) pula menggariskan peranan *Maqāṣid al-Syarī'ah* sebagai asas penilaian hukum yang menimbang hikmah, tujuan dan kesan jangka panjang sesuatu fatwa yang dikeluarkan. Kesemua resolusi IIFA ini mengukuhkan kedudukan parameter yang dibangunkan dalam kajian ini sebagai kerangka normatif yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Analisis terhadap beberapa fatwa kontemporari menunjukkan bahawa *Maqāṣid al-Syarī'ah* telah berfungsi sebagai kompas praktikal dalam menangani isu kontemporari yang pelbagai. Penelitian ini membuktikan bahawa apabila parameter *maqāṣid* diinstitusikan secara tersusun, fatwa yang dikeluarkan akan dapat berperanan sebagai instrumen pembentukan dasar awam, perlindungan masyarakat dan pembangunan sistem Syarak yang lebih lestari.

Kajian ini juga menonjolkan keperluan berpindah daripada model fatwa individualistik kepada model ijtihad kolektif yang berasaskan disiplin ilmu, kerjasama multidisiplin dan tadbir urus institusi yang telus. Hal ini seiring dengan saranan IIFA agar isu-isu kompleks semasa dapat diselesaikan melalui majlis fatwa, akademi fiqh dan panel pakar, bukan melalui pandangan individu yang terpisah daripada konteks dan disiplin metodologi. Dengan erti kata lain, pengintegrasian parameter *maqāṣid* secara sistematik dalam struktur institusi fatwa mampu mengurangkan risiko fatwa yang bersifat tidak bersepadu, tidak konsisten atau dipengaruhi maslahat ilusi.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa pembinaan parameter fatwa berasaskan *Maqāṣid al-Syarī'ah*, yang disokong oleh tradisi fiqh klasik, resolusi institusi antarabangsa seperti IIFA, dan amalan fatwa kontemporari, dapat memperkukuh relevansi, kredibiliti dan keanjalan undang-undang Islam dalam menghadapi cabaran global. Penyelidikan lanjutan wajar dirancang bagi menguji aplikasi parameter ini dalam bidang-bidang khusus seperti bioetika, kecerdasan buatan, perubahan iklim, tadbir urus korporat dan dasar sosial, agar *Maqāṣid al-Syarī'ah* terus berfungsi sebagai kerangka nilai yang memandu pembangunan fatwa dan sistem perundangan Syariah dalam jangka panjang.

Rujukan

- AAOIFI. (2015). “*Shari'ah standards: Full text of Shari'ah standards for Islamic financial institutions as at Safar 1437 A.H. – December 2015 A.D.*”. AAOIFI. <https://aaoifi.com/shariaa-standards/?lang=en>
- AAOIFI. (2025). “*AAOIFI issues six exposure drafts of the governance standards in Arabic*”. AAOIFI. <https://aaoifi.com/announcement/aaoifi-issues-six-exposure-drafts-of-the-governance-standards-in-arabic/?lang=en>
- Abdelhak, B., & Abderrezzak, B. (2024). Analytical study of the implementation of AAOIFI's ethical standards in the Algerian Islamic banking system: Assessment and recommendations. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 16(1), 79–92. <https://doi.org/10.55188/ijif.v16i1.601>
- Abu Zahrah, M. (1989). *Uṣūl al-fiqh*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Admin MUI. (2024). “*Apa hukum pinjol menurut Islam? Begini penjelasan fatwa MUI*”. Majelis Ulama Indonesia. <https://mui.or.id/baca/berita/apa-hukum-pinjol-menurut-islam-begini-penjelasan-fatwa-mui>

- Ahmad al-Raisūnī, A. A. S. (1992). *Naẓariyyah al-maqāṣid 'inda al-Imām al-Shāṭibī*. The International Institute of Islamic Thought.
- Ahmad, I.-A.-D. (2014). Shuratic Iftā': The challenge of fatwa collectivization. Dalam Z. A. Shah (Ed.), *Iftā' and fatwa in the Muslim world and the West* (pp. 28–45). The International Institute of Islamic Thought.
- Al Ikhlas, Yusdian, D., Alfurqan, Murniyetti, & Nurjanah. (2021). The concept of Maqasid al-Shariah as an instrument of ijtihad according to Imam al-Shatibi in *al-Muwafaqat fi Ushuli Al-Shariah. Media Syari'ah: Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 23(2), 206–219.
- Al-Jufri, K. A., Awang, M. S., & Mochammad Sahid, M. (2021). Maqasid Syariah menurut Imam al-Ghazali dan aplikasinya dalam penyusunan undang-undang Islam di Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(2), 75–87. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol9no2.315>
- al-Bakri, Z. M. (2014). *Maqasid al-Syariah* (1st ed.). Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
- al-Ghazālī, M. M. (2015). *al-Mustasfā min 'Ilmi al-Uṣūl* (M. S. al-Ashqar, Ed.; Vol. 1, 1st ed.). Mu'asasah ar-Risalah.
- Alias, M. N., Abdullah, M. N., Kamis, M. S., Afandi, A. J., & Alias, N. (2024). Scientific approach as the basis for the formation of Maqāṣid al-Sharī'ah concept and principles: A comparative study. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(2), 350–363. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no2.568>
- al-'Iz Ibn Abd Salam, A. A. A. S. (2020a). *Qawā'id al-aḥkām fī iṣlāḥ al-anām* (N. K. Hammad & O. J. Dumairiyyah, Eds.; Vol. 1, 6th ed.). Dar al-Qalam.
- al-'Iz Ibn Abd Salam, A. A. A. S. (2020b). *Qawā'id al-aḥkām fī iṣlāḥ al-anām* (N. K. Hammad & O. J. Dumairiyyah, Eds.; Vol. 2, 6th ed.). Dar al-Qalam.
- al-Juwaynī, A. M. A. (1979). *al-Burhān fī uṣūl al-fiqh* (A. A. al-Dib, Ed.; Vol. 2, 2nd ed.). Dar al-Ansar.
- al-Khādīmī, N. M. (1998). *Al-ijtihād al-maqāṣidī: Ḥujjiyyatuhu, Ḍawābiṭuhu, Majālātuhu* (Vol. 2). Ri'āsat al-Mahākīm al-Shar'iyyah wa al-Shu'ūn al-Dīniyyah.
- al-Khaṭīb al-Baghdādī, A. A. (2008). *al-Faqīh wal-mutafaqqih* (A. Y. al-Gharazi, Ed.; 1st ed.). Dar Ibn Hazm.
- al-Nawawī, Y. S. (2020). *Muqaddimah al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab* (M. A. al-Muhaimid, Ed.; 1st ed.). Arwiqah.
- al-Qahtani, M. A. (2011). *Understanding Maqasid al-Shari'ah: A contemporary perspective*. International Institute of Islamic Thought.
- al-Qaraḍāwī, Y. A. (1988). *al-Fatwā bayna al-inḍibāt wat-tasayyub* (1st ed.). Dar al-Sahwah.
- al-Qaraḍāwī, Y. A. (1999). *Fī fiqh al-awlawiyyāt: Dirāsah jadīdah fī ḍaw'i al-Qur'ān was-Sunnah* (1st ed.). al-Maktab al-Islami.
- al-Qarāfī, A. I. (2001). *al-Furūq* (M. A. Sarraj & A. J. Muhammad, Eds.; Vol. 2, 1st ed.). Dar al-Salam.
- al-Qarāfī, A. I. (2009). *al-Iḥkām fī tamyīz al-fatāwā 'an al-aḥkām wa-taṣarrufāt al-qāḍī wal-imām* (A. F. Abu Ghudah, Ed.; 4th ed.). Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Raisūnī, A. A. S. (1992). *Naẓariyyah al-maqāṣid 'inda al-Imām al-Shāṭibī* (2nd ed.). The International Institute of Islamic Thought.
- al-Ramo, R. H. A. (2022). Effect of the Objectives of Shariah in directing fatwa: Selected jurisprudence models. *Researcher Journal for Islamic Sciences*, 1(1), 36–61.
- Alsayyed, N. (2009). "Shari'ah board, the task of fatwa, and ijtihad in Islamic economics and finance". Munich Personal RePEc Archive. <https://mpra.ub.uni-muenchen.de/20204/>
- al-Shaibān, U. M. (2017). *Ḍawābiṭ al-fatwā fī ḍaw'i al-maqāṣid al-shar'iyyah* (1st ed.). Dar Kunuz Ishbiliya.
- al-Shāṭibī, I. M. (1997a). *al-Muwāfaqāt* (M. H. A. Sulaiman, Ed.; Vol. 3, 1st ed.). Dar Ibn Affan.
- al-Shāṭibī, I. M. (1997b). *al-Muwāfaqāt* (M. H. A. Sulaiman, Ed.; Vol. 5, 1st ed.). Dar Ibn Affan.
- al-Zarqā, M. A. (2014). *Introduction to Islamic jurisprudence* (M. A. al-Muhsin et al., Trans.; A. Ismail & A. Z. Salleh, Eds.; 1st ed.). Kuala Lumpur.
- Asni, F., & Sulong, J. (2021). The *mura'ah al-khilaf* and *ma'alat* method in fatwa decisions: Its application for fatwa coordination related to conditional *hibah* in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 14(4), 641–654.
- Attia, G. E. (2007). *Naḥwah taf'īl maqāṣid al-sharī'ah: Towards realization of the higher intents of Islamic law: Maqāṣid al-sharī'ah, a functional approach* (N. Roberts, Trans.). The International Institute of Islamic Thought.

- Auda, J. (2008). *Maqāṣid al-sharī'ah as philosophy of Islamic law: A systems approach*. The International Institute of Islamic Thought.
- Azhar, A., Hussain, M. A., Md. Nor, M. Z., & Othman, M. K. (2017). Penyelidikan fatwa dalam kerangka Maqasid al-Syariah: Satu tinjauan. *Ulm Islamiyyah*, 20, 47–65.
- Azmi, M. A., & Jusoh, A. F. (2024). Integrasi *ijtihad jamā'ī* (kolektif) dalam institusi-institusi fatwa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 9(2), 52–63.
- Bahari, N. (2020, November 24–25). *Pemakaian elemen Maqasid Shariah dalam institusi fatwa di Malaysia*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020), Online.
- Bahari, N. I., & Buang, A. H. (2016). Penggunaan Maqasid al-Syari'ah dalam fatwa muamalat di Malaysia: Kajian literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1), 1–18.
- Baharuddin, A. S., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., Jusof, N., Mohd Ghazali, M. I., Alauddin, M. S., & Wan Harun, M. A. (2021). Halal Forensics Issues Involving Three-Dimensional (3D) Printing Technology of Cultured Meat. *HALAL REVIEWS*, 1(1), 3–15. <https://doi.org/10.55265/halalreviews.v1i1.7>
- Bahmid, A. A., & Husaini, A. (2023). Tinjauan maqasid syariah perspektif Ibnu Taimiyyah terhadap Fatwa Majlis Ulama No. 02/MUNAS-VIII/MUI/2020 tentang nikah wisata. *Al-Mada: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya*, 6(3), 440–454.
- Banānī, A. K. M. (2017). *al-Fatwā: Bayna al-binā' al-maqāṣidī wa al-tanzīl al-maṣlahī* (1st ed.). Dar al-Kalimah.
- Bhari, A. (2016). *Analisis fatwa zakat di Malaysia dari perspektif Maqasid Syariah* (Tesis Sarjana, Universiti Malaya).
- Bhari, A., Abdullah, L., Yaakob, M. A. Z., Khalid, M. M., & Yusof, M. F. M. (2019). Analisis literatur kajian zakat dan Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 235–264.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Che Yusoff, A. F., & Rosidi, M. H. (2025). Parameters of Artificial Intelligence (AI) in Fatwa Issuance: A Jurisprudential and Technological Ethics Analysis. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1), 54–64. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.379>
- Devi, A., & Hamid, B. A. (2024). Challenges and obstacles in the standardization and harmonization of fatwa in Islamic finance industry and way forward. *Ekonomi Islam Indonesia*, 6(1), 1–11.
- El-Wereny, M. (2017). The objectives of Sharia between tradition and modernity: A comparative study. *The Journal of Islamic Studies & Culture*, 5(1), 33–45.
- Fauzi, F. (2024). 'Urf and its role in the development of fiqh: Comparative study of family law between Egypt and Indonesia. *El-Usrah: Jurnal Hukum Keluarga*, 7(1), 346–371.
- Fisol, W. N. M., Radzi, N. Z. M., & Othman, Y. (2017). The engineering of Islamic legal opinion (*ijtihad*) on the *Maqasid al-Shari'ah* development in the assessment of Islamic financial products. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 945–956. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i4/2904>
- FNCA. (2021). "On organ donation and transplantation". <https://fiqh council.org/on-organ-donation-and-transplantation/>
- Ghazali, M. R. (2018). Kepentingan maqasid syariah dalam berfatwa di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 7–32. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.92>
- Güney, N. (2024). Maqāṣid al-Sharī'a in Islamic finance: A critical analysis of modern discourses. *Religions*, 15(1), 114.
- Hakim, A., Ahmad, R., & Jaafar, S. M. J. S. (2023). Pendekatan fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI) dalam isu perkahwinan beza agama di Indonesia dari perspektif Maqasid al-Shari'ah. *Al-Basirah*, 13(2), 13–29. <https://doi.org/10.22452/basirah.vol13no2.2>
- Haq, H. (2017). Maqāṣid ash-Sharī'ah wa ahamīyatuhā fī al-ijtihād. *Journal of Islamic Family Law*, 1(2), 1–18. <https://doi.org/10.30762/mh.v1i2.458>
- Harun, M. S., Ali, A. K., & Syahir, A. N. A. (2024). The influence of the Shafie school on fatwa methodologies in Malaysia: Toward the unity of Ummah's objective. *Mazahib*, 23(1), 351–390.
- Hasanuddin, I., & Muda, T. S. T. (2024). Hubungan Maqasid Syariah, Usul Fiqh & Qawaed Fiqhiyyah dalam penetapan hukum fekah semasa: Analisis beberapa pandangan hukum dan fatwa terpilih

- dalam isu-isu halal. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 9(2), 167–176. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v9i2.11664>
- Hassan, O. M. (2023). The change of time and place and its impact on the change of fatwa: Contemporary applied study. *Russian Law Journal*, 11(8), 77–92.
- Ibn Abd al-Bār, Y. A. (1994). *Jāmi' bayān al-'ilmi wa-faḍlihi* (A. A. Al-Zuhairi, Ed.; Vol. 2, 1st ed.). Dar Ibn Jawzi.
- Ibn 'Abidīn, M. A. (2003). *Radd al-Muhtār 'alā al-Durr al-Mukhtār* (A. A. A. Mawjud & A. M. Muawwad, Eds.; Special ed., Vol. 8). Dar Alimul Kutub.
- Ibn 'Abidīn, M. A. (2020a). *Nashr al-'Urf fī Binā' Ba'du al-Aḥkām 'alā al-'Urf* (S. M. Abu al-Hajj, Ed.; 1st ed.). Markaz Anwar al-Ulama lil-Dirasat.
- Ibn 'Abidīn, M. A. (2020b). *Uqūd Rasmi al-Muftī* (S. M. Abu al-Hajj, Ed.; 1st ed.). Markaz Anwar al-Ulama lil-Dirasat.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, M. A. B. (2019). *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn* (M. U. Shams & J. H. al-Sayyid, Eds.; 2nd ed., Vol. 5). Dar 'Ata'at al-'Ilm.
- Ibn al-Ṣalāḥ, O. A. R. (1986). *Adab al-Muftī wal-Mustaftī* (M. A. A. Kadir, Ed.; 1st ed.). Maktabah al-Ulum wal-Hikam.
- Ibn al-Sīd al-Baṭālyawsī, A. M. (1982). *al-Inṣāf fī al-Tanbīh 'alā al-Ma'ānī wa al-Asbāb allatī Awjabat al-Ikhtilāf* (M. R. al-Dāyah, Ed.; 2nd ed.). Dar al-Fikr.
- Ibn 'Āshūr, M. T. (2016). *Maqāṣid ash-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (M. al-Zuhaili, Ed.; 1st ed.). Dar al-Qalam.
- Ibn Manzūr, M. M. (1993). *Lisān al-'Arab* (3rd ed., Vol. 7). Dar al-Sadir.
- Ibn Nujaym, Z. I. (1999). *al-Ashbāh wa an-Nazā'ir 'alā Madhhab Abi Hanīfah an-Nu'mān* (Z. al-Umairat, Ed.; 1st ed.). Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibrahim, B., Arifin, M., & Abd Rashid, S. Z. (2015). The role of fatwa and mufti in contemporary Muslim society. *Pertanika Journal of Tropical Agricultural Science*, 23(Special), 315–326.
- Ibrahim, I. (2021). "Ijtihad jama'i atau ijtihad kolektif: Pengertian, syarat dan prosedur". <https://muhammadiyah.or.id/2021/10/ijtihad-jamai-atau-ijtihad-kolektif-pengertian-syarat-dan-prosedur/>
- Ibrahim, M. Y. (2013). *Fiqh an-Nawāzil lil-Aqaliyyāt al-Muslimah: Ta'sīlan wa-Taṭbīqan* (1st ed., Vol. 1). Dar al-Yusr.
- Ibrahim, Y. S. (2014). An examination of the modern discourse on Maqāṣid al-Sharī'a. *The Journal of the Middle East and Africa*, 5(1), 39–60.
- International Islamic Fiqh Academy (IIFA). (2023). "Resolution No. 240 (2/25) concerning the impact of Covid-19 pandemic on rulings of worship, family, and crimes". <https://iifa-aifi.org/en/49690.html>
- International Islamic Fiqh Academy (IIFA). (2024a). Resolution No. 104 (7/11) – Ways of making use of *nawāzil* (fatāwā). Dalam *Resolutions and recommendations of the International Islamic Fiqh Academy* (pp. 216–217). International Islamic Fiqh Academy.
- International Islamic Fiqh Academy (IIFA). (2024b). Resolution No. 153 (2/17) – *Iftā'*: Requirements and ethics. Dalam *Resolutions and recommendations of the International Islamic Fiqh Academy* (3rd ed., pp. 349–351). International Islamic Fiqh Academy.
- International Islamic Fiqh Academy (IIFA). (2024c). Resolution No. 167 (5/18) – Maqāṣid and their role in deriving Shariah rulings. Dalam *Resolutions and recommendations of the International Islamic Fiqh Academy* (pp. 390–391). International Islamic Fiqh Academy.
- Ishak, M. S. I. (2018). The principle of considering *ma'alat* in Islamic rules: Do ends justify means? *International Journal of Islamic Thought*, 14, 52–59.
- Ishak, M. S. I., & Nasir, N. S. (2021). Maqasid al-Shari'ah in Islamic finance: Harmonizing theory and reality. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 18(1), 108–119. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v18i1.334>
- Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2021). Prinsip ketelitian dalam pengeluaran fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 360–367.
- Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2022). Moderation in fatwas and ijtihad: An analysis of fatwas issued by the MKI Malaysia concerning the Covid-19 pandemic. *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah*, 22(1), 111–136. <https://doi.org/10.15408/ajis.v22i1.22299>
- Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2023). Prinsip keadilan fatwa menurut perspektif syarak: The principle of flexibility of fatwa according to Syarak's perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(3), 159–171.

- Ismail, A. M., Baharuddin, A. S., & Ahmad, M. H. (2023). COVID-19: Analysing the principle and application of *i'tibār ma'ālāt* in the selected fatwas issued by the Malaysian National Council for Islamic Religious Affairs (MKI). *Intellectual Discourse*, 31(1), 233–256.
- Ismail, A. M., Subri, I. M., Baharuddin, A. S., Rahman, A. A., & Rosidi, M. H. (2025). The role of Maqasid al-Shariah in contemporary fatwa formulation: A balanced approach. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 85–110.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2017). “Garis panduan pengeluaran fatwa di Malaysia”. https://i-fiqh.islam.gov.my/img/upload/lampiran//16075_1663657655.pdf
- Jalāluddin al-Suyūṭī, A. R. A. B. (2013). *al-Ashbāh wa an-Nazā'ir fī Qawā'id wa-Furū' ash-Shāfi'iyyah* (M. M. Tamir & H. A. Hafiz, Eds.; 6th ed., Vol. 1). Dar al-Salam.
- Jalāluddin al-Suyūṭī, A. R. A. B. (2021). *al-Radd 'alā man akhlada ilā al-arḍi wa-jahala anna al-ijtihād fī kullī 'aṣr farḍ* (A. H. al-'Unais, Ed.; 1st ed.). Da'irah al-Shu'un al-Islamiyyah wal-Amal al-Khair.
- Jamaludin, M. H., Pauzi, N., Syed Jaafar, S. M. J., & Daud, M. (2023). Pemikiran ulama muta'akhhirin berhubung pengamalan konsep talfiq dalam penyelesaian hukum syarak. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 25(2), 323–352. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.10>
- Kadir, M. N. A. (2023). *Maqasid Syariah: Panduan memahami tujuan syariat*. Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Kamali, M. H. (1999). Maqāṣid al-Sharī'ah: The objectives of Islamic law. *Islamic Studies*, 38(2), 193–208.
- Kamali, M. H. (2011). Maqasid al-Shari'ah and ijtihad as instruments of civilisational renewal: A methodological perspective. *ICR Journal*, 2(2), 245–271. <https://doi.org/10.52282/icr.v2i2.647>
- Kamali, M. H. (2012). *Maqasid al-Shari'ah: Ijtihad and civilization renewal*. The International Institute of Islamic Thought.
- Kamali, M. H. (2021). History and jurisprudence of the Maqāṣid: A critical appraisal. *American Journal of Islam and Society*, 38(3–4), 8–34. <https://doi.org/10.35632/ajis.v38i3-4.3110>
- Kamali, M. H. (2021). *Shariah and the halal industry*. Oxford University Press.
- Kazemi-Moussavi, A., & Mavani, H. (2024). *Islamic legal methodology: A new perspective on usul al-fiqh*. International Institute of Islamic Thought.
- Khairuldin, W. M. K. F. W., Anas, W. N. I. W. N., Embong, A. H., Hassan, S. A., Hanapi, M. S., & Ismail, D. (2019). Ethics of mufti in the declaration of fatwa according to Islam. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22(5), 1–6.
- Khasani, F. (2022). Fatwa phenomenon in the digital age: From concept analysis to problem solving. *Al-'Adalah: Jurnal Syariah dan Hukum Islam*, 7(1), 70–87. <https://doi.org/10.31538/adlh.v7i1.1755>
- Laluddin, H. (2015). Maslahah's role as an instrument for revival of ijtihad. *International Journal of Islamic Thought*, 8, 27–34. <https://doi.org/10.24035/ijit.8.2015.004>
- Majlis Ugama Islam Singapura. (2024). *From lab to table: Novel food from an Islamic perspective* (Office of the Mufti, Ed.; 1st ed.). Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).
- Mamat, Z., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Hashim, H., & Baharuddin, A. S. (2025). Penerimaan jawatankuasa fatwa negeri terhadap keputusan hukum produk halal oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI). *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 2(1), 19-34.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.
- Mohamad, N. M., Ibrahim, B., & Asni, F. (2025). Analisis Maqāṣid Syari'ah terhadap penentuan fatwa berkaitan alkohol dalam pemakanan di Malaysia. *Jamalullail Journal*, 4(1), 21–36.
- Mohamed Adil, M. A. (2015). Standardisation of fatwa in Malaysia: Issues, concerns and expectations. *ICR Journal*, 6(2), 196–211. <https://doi.org/10.52282/icr.v6i2.331>
- Mohd Shah, M. F., & Abdul Rahman, N. N. (2018). Kepentingan kaedah penyelidikan moden dalam fatwa semasa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 67–90.
- Mokhtar, A. W. (2014). *Fatāwā al-Imām al-Nawawī al-murā'iyah li-maqṣid ḥifẓ al-dīn*. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3(1), 155–178. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol3no1.113>
- Muda, Z., Omar, N., Rajid, Z. Z., Ramlee, N., & Kurniawan, C. S. (2024). Comprehensive fatwa development based on Maqasid Shariah: A study in Brunei Darussalam. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(4), 866–875.
- Muhammad al-Zuhaili, M. M. (2006a). *Al-qawā'id al-fiqhiyyah wa taṭbīqātuhā fī al-madhāhib al-arba'ah* (1st ed., Vol. 1). Dar al-Fikr.
- Muhammad al-Zuhaili, M. M. (2006b). *al-Wajīz fī uṣūl al-fiqh al-islāmī* (2nd ed., Vol. 1). Dar al-Khair.

- Muslim, M. A. H. (2016). *Ṣaḥīḥ Muslim* (Y. Hasan, I. Dhallī, & A.-T. Imad, Eds.; 2nd ed.). Mu'asasat al-Nasyirun.
- Mustapha, A., Engku Ali, E. M. T., & Khaidzir Saadan, M. K. (2019). Kepentingan Maqasid Shari'ah dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 132–150.
- Mustar, S., & Muhamad, N. H. N. (2014). Maqasid Shari'ah dalam pewarisan harta: Analisis terhadap amalan penamaan insurans di Singapura. *Sains Humanika*, 2(1), 87-94.
- Muwafiq al-Din Ibn Qudamah, A. A. (1998). *Raudah an-Nāzir wa-Jannah al-Manāzir* (S. M. Ismail, Ed.; 2nd ed., Vol. 2). al-Maktabah al-Makkiyah.
- Naquiddin, W. A. (2020). "Bayan Linnas Siri Ke-225: Covid-19: Fatwa-fatwa terkini berkaitan penangguhan solat Jumaat dan solat berjemaah". <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah>
- Nurcholis, M. (2021). Fikih Maqāsidī dalam fatwa Majelis Ulama Indonesia tentang penggunaan vaksin Covid-19 produk AstraZeneca. *Tribakti: Jurnal Pemikiran Keislaman*, 32(2), 315–332. <https://doi.org/10.33367/tribakti.v32i2.1741>
- Othman, H. S. (2024). *Collective ijtihad: Regulating fatwa in postnormal times*. Herndon.
- Padela, A. I., & Auda, J. (2020). The moral status of organ donation and transplantation within Islamic law: The Fiqh Council of North America's position. *Transplant Direct*, 6(3), e536. <https://doi.org/10.1097/txd.0000000000000980>
- Pasuni, A. (2022). Singapore's state fatwas. Dalam S. M. K. Aljunied (Ed.), *Routledge handbook of Islam in Southeast Asia* (1st ed., pp. 382–402). Routledge.
- Qutb al-Raisūnī, Q. (2014). *Ṣinā'ah al-fatwā fī al-qaḍāyā al-mu'āṣirah* (1st ed.). Dar Ibn Hazm.
- Rachmadhani, F. (2020). Dawr al-ijtihād al-maqāsidī wa taṭbīquhu fī fatwā majlis al-'ulamā' al-Indūnīsī bi-sha'n adā' al-'ibādāt khilāl jā'ihat kūfid-19: The role of ijtihād maqāsidī and its implementation in the fatwa of Indonesian ulama council on worship guide amid COVID-19 pandemic. In *Proceeding of INSLA E-Proceedings* 3, (pp. 61-74). <https://fsuproceedings.usim.edu.my/index.php/insla/article/view/154>
- Rachmadhani, F., Mochammad Sahid, M., & Mokhtar, A. W. (2022). Implementation of the Islamic law transformation's rule (*taghayyur ahkām*) during Covid-19 pandemic in the perspective of Majelis Tarjih Muhammadiyah in Indonesia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10(1), 108–117. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol10no1.345>
- Ramli, S. (2024, Februari 4). "Jangan terburu-buru keluar fatwa mengenai daging kultur". Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/jangan-terburu-buru-keluar-fatwa-mengenai-daging-kultur/>
- Rashed, Z. (2023). Evidence for the consideration of custom. *International Journal of Advanced Research on Law and Governance*, 5(1), 87–98.
- Reza, O., Islamia, P. N., & Zahir, R. (2025). The urgency of *maqāsid syariah* in the determination of Islamic economic fatwa by DSN-MUI. *Al-Wadh'iyyah: Journal of Sharia Law and Legal Studies*, 1(1), 1–9.
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. (2022). Garis panduan terhadap penerapan Maqasid Syariah dalam fatwa: Analisis ijtihad maqasidi. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 5(2), 51–61.
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. (2023). Kekhilafan menerapkan Maqasid Syari'ah dalam pengeluaran fatwa: Analisis ijtihad maqasidi. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 132–148. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.464>
- Rosli, S. M. (2024, Februari 4). "Tidak perlu terburu-buru keluar fatwa hukum makan daging kultur". Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/647882/berita/nasional/tidak-perlu-terburu-buru-keluar-fatwa-hukum-makan-daging-kultur>
- Safdar, M. (2025). "The role of AAOIFI in standardizing Shari'ah governance practices globally". <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.5251190>
- Salsabila, Y., & Putri, J. (2025). Fintech P2P lending dalam pandangan Islam. *Equivalent: Journal of Economic, Accounting and Management*, 3(2), 729–743.
- Shamsuddin, S. S. S., & Ismail, A. M. (2018). Pendekatan ijtihad jama'i dalam pengharmonisasian ikhtilaf fuqaha. *Journal of Fatwa Management and Research*, 12(1), 22–36. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol12no1.4>

- Skovgaard-Petersen, J. (1997). *Defining Islam for the Egyptian state: Muftis and fatwas of the Dār al-Iftā*. Brill.
- Soualhi, Y. (2008). The question of methodology in the science of Maqasid al-Shari‘ah (Objectives of Islamic Law). *The International Journal of the Humanities: Annual Review*, 5(11), 91–98. <https://doi.org/10.18848/1447-9508/CGP/v05i11/42282>
- Suleiman, H. (2022). *Fiqh al-ma‘alat*: An analysis of its origin, subsidiary and application. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 10(2), 26–37.
- Supri, S., & Hafini, M. (2022). The *penutupan sementara* masjid, surau, balai ibadat dan pembukaan tempat awam lainnya: Analisis Maqasid Syariah dalam fatwa dan irsyad hukum Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 25–38. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.632>
- Suroya, N. (2022). Perspektif Maqasid Syari‘ah terhadap fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor 10 Tahun 2008 tentang nikah di bawah tangan. *JATISWARA*, 37(2), 195–204. <https://doi.org/10.29303/jtsw.v37i2.401>
- Suruhanjaya Sekuriti. (2021). “*Senarai sekuriti patuh Syariah*”. <https://www.sc.com.my/bm/api/documentms/download.ashx?id=6267ac43-c847-4c20-9d36-a5d05639c4c8>
- Suruhanjaya Sekuriti. (2024). “*Guidelines on digital assets – SC-GL/1-2020 (R3-2024)*”. <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=ae96213d-e71b-4682-8ac6-127a6da558ea>
- Suruhanjaya Sekuriti. (2025). “*Shariah-compliant securities screening methodology*”. <https://www.sc.com.my/development/icm/shariah-compliant-securities/shariah-compliant-securities-screening-methodology>
- Syafei, Z. (2017). Tracing Maqasid al-Shari‘ah in the fatwas of Indonesian Council of Ulama (MUI). *Journal of Indonesian Islam*, 11(1), 99–124.
- Tājuddin al-Subkī, A. W. A. (2004). *al-Ibhāj fī sharḥ al-Minhāj* (A. J. al-Zamzami & N. A. J. Saghiri, Eds.; 1st ed., Vol. 7). Dar al-Buhuth lil-Dirasat al-Islamiyyah wa-Ihya’ al-Turath.
- Tājuddin al-Subkī, A. W. A. (2011). *Jam‘u al-jawāmi‘ fī ‘ilmi uṣūl al-fiqh* (A. Husain, Ed.; 1st ed.). Dar Ibn Hazm.
- Taqiyuddin al-Subkī, A. A. K. (2004). *al-Ibhāj fī sharḥ al-Minhāj* (A. J. al-Zamzami & N. A. J. Saghiri, Eds.; 1st ed., Vol. 2). Dar al-Buhuth lil-Dirasat al-Islamiyyah wa-Ihya’ al-Turath.
- Wahbah al-Zuhaili, W. M. (2013). *Uṣūl al-fiqh al-Islāmī* (20th ed., Vol. 2). Dar al-Fikr.
- Wahid, M. I. (2020). *Rumah Fiqih Indonesia*: Challenging the fatwa shopping. *Misykat Al-Anwar: Jurnal Kajian Islam dan Masyarakat*, 3(1), 35–50.
- Wahid, S. H. (2024). Research insights on online fatwas: A comprehensive systematic literature review. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(1), 23–46.
- Wan Hassan, W. Z., Abdullah, N., Muslim, N., & Alias, J. (2018). Aplikasi Maqasid Syariah dalam fatwa berkaitan penggunaan rokok elektronik dan shisha di Malaysia. *Sains Insani*, 3(1), 18–26. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.20>
- Zainudin, U. M., Jaapar, N., Ismail, F. A., Jaapar, G., & Husiin, H. (2023). Thematic analysis of research studies on Maqasid Shariah and mental health. *Journal of Fatwa Management and Research*, 28(1), 45–57. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no1.505>